

NO. SOALAN: 85

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH]

TARIKH : 10 JUN 2014

RUJUKAN : 6825

SOALAN:

Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilangan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang masuk ke Sabah dan Sarawak dan juga jumlah PATI yang dihantar balik ke negara asal setiap tahun bermula pada tahun 1980 sehingga 2014. Apakah langkah Kerajaan terhadap generasi kedua PATI yang dilahirkan di Sabah dan Sarawak.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bilangan Pendatang Tanpa Izin (PATI) yang masuk ke Sabah dan Sarawak tidak dapat di rekodkan kerana PATI tidak masuk ke negeri berkenaan melalui pintu-pintu masuk yang di wartakan atau pun melapor kepada mana-mana pihak semasa mereka masuk ke negeri berkenaan.

Jumlah PATI yang dihantar balik ke negara asal oleh pihak berkuasa di Sabah dari tahun 2000 sehingga April 2014 adalah seramai 237,229 orang manakala PATI yang dihantar oleh pihak berkuasa di Sarawak dari tahun 2010 sehingga April 2014 adalah seramai 7,838 orang.